

EDISI 1, 2026

ASPIRASI

FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN, UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS SEREMBAN
ISSN 2735-0525

**Bayangan Kos Hidup
Yang Mencengkam**

**MANAGER 4.0: LITERASI
TEKNOLOGI SEBAGAI
JAMBATAN KERJAYA HIDUP**

**Penjenamaan
Emosi**

Noraini Baba
**Menenun Kasih, Mencipta
Nama – Dari Laman Kilang
ke Persada Kraftangan**

Noraini Baba: Menenun Kasih, Mencipta Nama Dari Laman Kilang ke Persada Kraftangan

Maziah Mohamed Arif, Nooraza Tukiran & Nurul Hanin Izzat Sanin



Di tengah arus pemodenan yang pantas, aspirasi merupakan bahan api yang memacu kecemerlangan. Ia menuntut keberanian untuk bermimpi besar dan disiplin untuk melaksanakannya. Segmen Aspirasi edisi ini memfokuskan kepada visi ke hadapan, memaparkan kisah kepimpinan dan inovasi yang menjadi tunjang kepada perubahan. Bersama kita terokai aspirasi individu hebat yang bukan sahaja memandang ke hadapan, tetapi turut mencipta masa hadapan yang lebih gemilang. Dalam edisi kali ini, kami memperkenalkan seorang tokoh bernama Noraini binti Baba yang telah berjaya menterjemahkan visinya menjadi realiti yang memberi impak kepada komuniti setempat.

Biodata

Dilahirkan di bumi bersejarah Melaka 51 tahun yang lalu, Noraini binti Baba merupakan bukti nyata bahawa azam mengatasi segalanya. Meskipun hanya berbekalkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), wanita cekal ini membuktikan bahawa pendidikan formal bukanlah titik noktah untuk berjaya. Sebagai ibu kepada empat orang cahaya mata, beliau bijak mengimbangi tanggungjawab domestik dengan cita-cita, membuktikan bahawa status sebagai seorang isteri dan ibu adalah pemangkin, bukannya penghalang untuk terus maju. Beliau adalah inspirasi hidup bahawa usia dan latar belakang bukanlah penghalang untuk seseorang itu berdiri megah dalam kelas tersendiri.

Permulaan Karier

Perjalanan kerjaya beliau bermula di lantai kilang, di mana beliau menabur bakti selama enam tahun sebelum keberanian menyapa diri untuk beralih arah ke dunia keusahawanan kraftangan. Sedar bahawa kemahiran adalah aset teragung, Noraini gigih melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu teknikal; daripada Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam jahitan baju, jahitan kreatif, sehinggalah ke seni gubahan bunga dan teknik eco-print natural dye. Walaupun bergerak secara solo tanpa tenaga kerja tetap, beliau menyusun strategi dengan memperkasakan komuniti setempat melalui upah jahit kepada rakan-rakan terdekat. Pendekatan 'buat sendiri' ini bukan sahaja membuktikan ketelitian beliau dalam menjaga kualiti setiap produk batik dan kraf yang dihasilkan, malah mencerminkan jiwa seorang usahawan yang bermula dari bawah dengan penuh dedikasi.



Cabaran & Ketabahan

Namun, perjalanan Noraini tidak selalunya indah dan mudah. Di saat beliau mula mengukir nama di bawah The Tunku Azizah Handmade Market, beliau diuji dengan tanggungjawab besar menguruskan bonda tercinta yang uzur. Selama tempoh itu, beliau membahagikan jiwa antara kasih seorang anak dan impian seorang usahawan. Pemergian bonda pada tahun 2022 menjadi titik duka, namun ia juga menjadi pemangkin untuk beliau melangkah lebih jauh demi menghargai waktu yang ada. Pada tahun 2023, sebagai penghormatan kepada ketekunannya sendiri, Noraini secara rasmi mendaftarkan diri di bawah Kraftangan Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, memulakan fasa baharu yang lebih profesional dalam dunia seni kraf.

Pengalaman & Kejayaan

Bagi Noraini, setiap jahitan adalah proses pembelajaran. Bermula dengan jualan kecil-kecilan, beliau tidak pernah lelah memperbaiki kualiti kerja tangannya. Kegigihan itu membuahkan hasil apabila langkahnya yang dahulu hanya di booth kecil, kini sudah mampu bertapak di pusat beli-belah terkemuka. Daripada pulangan ratusan ringgit, kini beliau mampu tersenyum bangga melihat hasil jualan mencecah ribuan ringgit, satu pencapaian yang membuktikan bahawa seni kraf mempunyai nilai ekonomi yang tinggi jika diiringi dengan ilmu yang berterusan seperti teknik batik dan eco-print yang kini menjadi fokus terbaharunya.



Sumbangan Masyarakat (The Soul of Giving)

Kejayaan bagi Noraini bukan sekadar angka di buku akaun, tetapi sejauh mana beliau mampu memberi kembali kepada masyarakat. Melalui inisiatif wakaf Al-Quran di booth jualannya di Mydin Senawang, beliau berjaya mengumpul sumbangan pengunjung untuk diserahkan kepada pihak Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Tidak lokek dengan ilmu, beliau turut turun padang berkongsi kemahiran membuat keychain glow-in-the-dark bersama kanak-kanak di NADI Kg Paya, menyemai benih kreatif dalam jiwa generasi muda.

Pegangan Hidup & Kata Nasihat

Di sebalik kegigihan itu, beliau meletakkan ketaatan kepada Allah SWT sebagai tunjang utama dalam setiap urusan. Prinsipnya mudah: apabila kita menjaga hubungan dengan Pencipta, kebaikan akan menyusul dalam bentuk yang tidak disangka-sangka. Pesan Noraini buat pembaca: "Ceburilah bidang yang anda minati dengan sepenuh hati. Belajar dan selami ilmu itu sedalam-dalamnya. Setiap kali kita menyelami bidang tersebut, kita akan sentiasa menemui jalan penyelesaian dan kaedah baharu yang memudahkan urusan kita. Paling penting, mulakan dengan niat kerana Allah".

